

Oleh Rosniza
Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

Kuala Lumpur

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menemukan dua dokumen dan satu artifak di Jepun yang mengesahkan serta membuktikan kewujudan Hang Tuah.

Ketua Penerbit UPM, Kamariah Mohd Saidin, berkata, dokumen terbabit ialah rekod rasmi, 'Rekaid Hoan', kerajaan Ryukyu yang kini dikenali sebagai Okinawa dan catatan pengembalaan Alfonso de Albuquerque pada 1774 yang ditemui di Universiti Ryukyu.

Beliau berkata, pemuan keris berluk sembilan tanpa hulu dan sarung yang lazimnya dihadiahkan Kesultanan Melaka kepada kerajaan lain pula dijumpai di Pusat Arkeologi Okinawa.

"Rekaid Hoan mengandungi 19 surat kerajaan Ryukyu kepada Melaka serta 11 surat daripada kerajaan Melaka yang tertera nama Hang Tuah sementara catatan pengembalaan Alfonso de Albuquerque secara jelas menerangkan mengenai Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka yang mempunyai ciri pahlawan Melayu seperti handal, taat, berpengetahuan, berani dan pantang berundur."

"Keris yang dikenal pasti penyelidik UPM di Pusat Arkeologi Okinawa pula asalnya ditemui di peka-



Ahmad Zahid melihat **manuskrip hikayat Hang Tuah ketika melawat pameran buku Hang Tuah** bersempena dengan Majlis Anugerah Buku Negara di PWTC KL, baru-baru ini.

Penyelidik UPM kemuka bukti kewujudan Hang Tuah

rangan Kuil Diraja Enkakuji Ryukyu berhampiran Istana Shuriji, sekali gus membuktikan hubungan kukuh terjalin antara Melaka dengan Ryukyu," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Kamariah berkata, pembuktian mengenai kewujudan Hang Tuah itu dilakukan oleh dua penyelidik Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) UPM, Prof Emeritus

Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin di Okinawa, Jepun pada tahun lalu dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Jepun

Catatan sahih

Beliau berkata, pembongkaran itu diuraikan secara terperinci dalam buku Hang Tuah: Catatan Okinawa yang dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

Ahmad Zahid Hamidi, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, baru-baru ini.

"Penerbitan ini tidak semata-mata bersandarkan buku Hikayat Hang Tuah dan sejarah tempatan, sebaliknya berdasarkan catatan sahih Empayar Ryukyu yang kini dikenali sebagai Okinawa.

"Penerbitan buku ber-

“
PENERBITAN INI TIDAK SEMATA-MATA BERSANDARKAN BUKU HIKAYAT HANG TUAH DAN SEJARAH TEMPATAN, SEBALIKNYA BERDASARKAN CATATAN SAHIH EMPAYAR RYUKYU YANG KINI DIKENALI SEBAGAI OKINAWA”

Kamariah Mohd Saidin,
Ketua Penerbit UPM



Rajah 39 Keris berluk sembilan tanpa hulu dan sarung yang dijumpai di pekarangan Kuil Diraja Enkakuji Ryukyu berhampiran dengan Istana Shuriji abad ke-15, Pulau Ryukyu.

sandarkan kajian akademik ini sekali gus menafikan kenyataan Prof Khoo Kay Kim sebelum ini yang mendakwa pahlawan Melayu itu tidak wujud," katanya.

Prof Hashim ialah Profesor Linguistik Melayu di Jabatan Bahasa Melayu FBMK UPM yang mengkhusus dalam bidang teori tatabahasa, falsafah bahasa, peradaban Melayu, sosiolinguistik, epigraf Melayu dan manuskrip Jawi.

Rohaidah pula ialah Pensyarah Kanan di jabatan yang sama yang mengkhusus dalam bahasa Jepun dan psikolinguistik serta aktif dalam kerja penyelidikan dan secara berterusan membuat kajian mengenai Hang Tuah untuk membuktikan kewujudan laksamana itu dalam empayar Melaka termasuk kajian di negara Asia Tenggara yang mempunyai hubungan dagangan dan diplomatik dengan Melaka pada abad ke-15 dan 16.

Tinggalan keris berluk sembilan hadiah kerajaan Melaka kepada Raja Ryukyu yang ditemui di pekarangan Kuil Diraja Enkakuji Ryukyu dan dikenal pasti penyelidik UPM di Pusat Arkeologi Okirawa.